

06/03/2003

KL Monorel: Setinggal, kena pindah

Fatos Omar Othman

KUALA LUMPUR: Hentian Bas Pekeliling, bangunan lama di Bukit Bintang dan kawasan setinggal di Jalan Tun Sambathan akan dipindah atau diubah suai sepanjang laluan KL Monorel supaya kelihatan menarik dan tidak mencacatkan pemandangan ibu kota.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah diarah memeriksa lokasi yang terbabit sepanjang laluan itu dan mereka sudah pun menyediakan rancangan bertindak.

"Hentian Pekeliling akan dipindah ke tempat lain kerana kedudukannya sekarang sudah tidak sesuai lagi. Mungkin lokasi di mana ia ditempatkan nanti adalah untuk sementara kerana kita masih menimbang mengenai lokasi tetap hentian bas itu.

"Manakala penduduk rumah setinggal di Jalan Tun Sambathan akan diarah pindah ke penempatan baru di beberapa pangsapuri milik DBKL dan sekiranya ia membabitkan tanah persendirian, pemilik tanah akan diminta membersihkan kawasan itu supaya kelihatan menarik.

"Kita mendapat maklumat ada antara rumah di kawasan setinggal ini sudah usang hingga bumbung rumah tercabut atap dan zink yang asalnya berwarna aluminium bertukar warna menjadi hitam akibat sudah lama tidak ditukar," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Beliau berkata, beberapa pemilik bangunan di Jalan Sultan Ismail, Bukit Bintang pula yang dikesan tidak menjalankan sebarang operasi sejak kebelakangan ini dan mengakibatkan struktur bangunan itu kelihatan usang akan diminta mengubah suai dan mengaktifkan semula bangunan mereka.

Tengku Adnan yang dijadual meninjau beberapa lokasi terbabit dengan menaiki tren khas KL Monorel hari ini, dijangka turut menyentuh kawasan penempatan Kampung Baharu supaya dapat dibangunkan semula bagi mengelak kekal digelar 'Zoo Melayu'.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika meninjau operasi tren itu di pangkalannya di Brickfields, Kuala Lumpur, baru-baru ini difahamkan tidak berpuas hati dengan beberapa lokasi sepanjang 8.6 kilometer laluan tren itu kerana dikatakan mencacatkan pemandangan ibu kota.

Pelancaran perkhidmatan kereta api bernilai 1.18 bilion itu yang tertangguh sejak Oktober tahun lalu dijangka mula beroperasi 31 Mac ini dan dapat menampung kira-kira 80,000 penumpang setiap hari.